

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH**

**KAWASAN : KALABAKAN**

**TARIKH : 4.4.2016 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 165**

#### **SOALAN**

**YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kementerian sudah mula mengorak langkah mengadakan program khas dan berkesan untuk membawa pengusaha dan produk produk Malaysia untuk menembusi pasaran antarabangsa dengan termeterinya perjanjian TPPA.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Negara-negara TPP terdiri daripada 12 buah negara dengan pasaran 800 juta penduduk dan KDNK USD\$27.5 trilion. Malaysia akan menikmati **akses pasaran berkeutamaan khususnya ke 4 pasaran FTA yang baharu**, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru kerana kebanyakan duti import akan dimansuhkan sebaik sahaja TPP berkuat kuasa. Usahawan tempatan juga akan dapat mengembangkan perniagaan dan perkhidmatan mereka dan menyertai rantaian bekalan global melalui pembekalan kepada syarikat-syarikat besar di Malaysia atau pun syarikat-syarikat di negara-negara TPP.

2. Sebagai contoh, dengan TPP, duti import bagi **hampir 73% daripada eksport barang teknikal ke Amerika Syarikat akan dimansuhkan serta-merta dengan kuat kuasanya TPP**. Tanpa TPP, hanya 11% daripada eksport teknikal ke Amerika Syarikat yang menikmati duti import sifar.
  
3. Selain itu, TPP juga akan memansuhkan duti import bagi **produk-produk eksport utama Malaysia seperti E&E, barang getah, minyak sawit, alat ganti automotif, serta produk kayu-kayan ke pasaran TPP khususnya ke Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru**.

Tuan Yang DiPertua,

4. Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan jumlah eksport negara khususnya melalui inisiatif yang dirangka oleh Majlis Eksport Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Pelbagai program khas juga telah diadakan oleh Kerajaan untuk membantu pengusaha tempatan untuk mengeksport, termasuk ke pasaran TPP. Program ini termasuk:
  - i. Program bina upaya dan latihan, skim pinjaman, khidmat nasihat, skim galakkan eksport, insentif dan geran daripada sumber-sumber kerajaan untuk membantu meningkatkan kapasiti dan produktiviti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
  - ii. Inisiatif terbaru dibawah Rancangan Malaysia ke-11 yang dikendalikan bersama diantara SME Corp. dengan MARA adalah Program Galakkan Eksport Bumiputera (GEB). Dengan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi tempoh lima tahun, program ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan PKS untuk mengekport produk atau perkhidmatan mereka terutamanya ke negara TPPA dan ASEAN.
  - iii. Pelan Induk PKS (2012 – 2020) mengariskan 32 inisiatif termasuk enam program berimpak tinggi untuk Malaysia menghasilkan juara PKS negara, serantau dan global yang kompetitif bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.
  - iv. Program Berimpak Tinggi (HIP) Keempat iaitu Program ‘*Going Export*’ (GoEx) menawarkan bantuan khusus kepada pengeksport

dan PKS yang menceburi pasaran baharu di luar negara yang dilaksanakan oleh MATRADE.

Tuan Yang DiPertua,

5. Kerajaan telah mengadakan siri-siri penerangan kepada pihak pengusaha dan pengeksport mengenai peluang-peluang akses pasaran melalui TPPA. Usaha ini akan ditingkatkan lagi. Di samping itu aktiviti bina upaya akan dijalankan oleh SME Corp dan MATRADE, khususnya kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana.
6. Kerajaan mengakui bahawa satu pelan tindakan yang mantap adalah perlu bagi memastikan produk-produk tempatan mampu menembusi pasaran global. Dalam hal ini MITI dan agensi-agensinya seperti SME Corp. dan MATRADE akan sentiasa menjalankan dan memperkasakan program bina upaya serta peningkatan pencapaian piawaian antarabangsa. MATRADE juga akan turut memainkan peranan yang aktif dalam mencari pasaran baharu dan memastikan agar pengusaha tempatan mampu bersaing di luar negara.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS  
DARIPADA**

**: DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[ KALABAカン ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ]**  
minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian maklum banyak rumah-rumah guru di negeri Sabah yang berada dalam keadaan daif sekali; dan
- (b) jika maklum, mengapakah ini masih berlaku dan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan semua rumah-rumah guru di Sabah setaraf dengan kemuliaan profesion ini.

**JAWAPAN**

- (a) dan (b)

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum dan sentiasa berusaha memastikan banyak rumah guru di negeri Sabah dan seluruh Malaysia kondusif untuk didiami. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan bagi tujuan penyelenggaraan adalah merangkumi semua jenis premis di bawah KPM termasuk sekolah, kuarters, Institusi Pendidikan dan

pejabat. Sehubungan dengan itu, KPM akan memberikan keutamaan kepada penyelenggaraan sekolah, kuarters, Institusi Pendidikan dan pejabat yang kritikal dan terdesak berdasarkan peruntukan yang ada.